

**ADAT DAN AMALAN PERKAHWINAN DALAM KALANGAN  
MASYARAKAT INDIA (TAMIL) DI SEKINCHAN,  
SELANGOR: PENGEKALAN TRADISI ATAU MODEN?  
*MARRIAGE CUSTOMS AND PRACTICES AMONG THE  
INDIAN (TAMIL) COMMUNITY IN SEKINCHAN, SELANGOR:  
PRESERVATION OF TRADITION OR MODERN?***

GEETHA THEVARAZEN<sup>1</sup>  
ROSAZMAN HUSSIN<sup>2</sup>

*<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

*<sup>2</sup>Institut Kajian Orang Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah,  
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah  
Corresponding author: geetha2796@yahoo.com*

*Tarikh dihantar: 29/6/2021 / Tarikh diterima: 23/8/2021 / Tarikh terbit: 22/12/2022*

*DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v28i1.4178>*

**ABSTRAK** Kajian ini dijalankan untuk mengetahui proses upacara dalam adat dan amalan perkahwinan tradisional masyarakat India dan perubahan-perubahan yang berlaku dalam pengamalan upacara perkahwinan tersebut pada masa kini. Kajian ini dilakukan dalam kalangan masyarakat India di Sekinchan, Selangor. Pada masa kini, adat dan amalan perkahwinan tradisional semakin terhakis dalam masyarakat, terutamanya dalam masyarakat moden termasuk masyarakat India. Terdapat beberapa adat dan amalan upacara yang tidak lagi diamalkan oleh masyarakat India kini. Mereka lebih mengamalkan upacara perkahwinan yang lebih ringkas berbanding upacara perkahwinan tradisional. Hal ini menyebabkan berlakunya perubahan dalam adat dan amalan perkahwinan masyarakat India daripada bentuk amalan tradisi kepada moden. Pendekatan penyelidikan kualitatif telah diaplikasikan dalam kajian ini. Seramai empat orang informan telah ditemu bual secara mendalam. Kaedah pemerhatian juga turut dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat yang menyeluruh. Seterusnya, sumber sekunder juga turut digunakan dalam kajian ini untuk mengukuhkan dapatan kajian. Kajian ini melihat kepada tahap upacara perkahwinan iaitu tahap upacara sebelum, semasa dan selepas perkahwinan berlangsung. Hasil kajian menunjukkan amalan dan upacara perkahwinan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat India pada masa kini telah mengalami perubahan. Namun, amalan dan upacara perkahwinan tersebut masih mempunyai kesinambungan dengan warisan tradisi masyarakat India. Justeru, implikasi kajian ini adalah penting untuk memulihara adat, amalan dan warisan budaya tradisi nenek moyang masyarakat India di Malaysia daripada pupus.

**Kata kunci:** Masyarakat India, adat perkahwinan tradisional, amalan perkahwinan moden.

**ABSTRACT** *This study was conducted to identify the rituals processes in the practice of traditional Indian and to study the changes that occurred in the practice of marriage ceremony among the Indian community nowadays. This study was conducted among the Indian community in Sekinchan, Selangor. Nowadays all the ceremonies that practiced by the traditional Indian community have undergone changes as compared to modern society including Indian community. Some customs and ceremonial practices are no longer practiced by the Indian community today. They are more likely to practice the simple wedding ceremonies than traditional. This led to a change in customs and practices from traditional to modern forms in marriage. A qualitative research approach has been applied in this study. 4 informants were interviewed and secondary sources were also implemented. The study focussed on the all wedding ceremonies practiced by the Indian community which is the ceremony before, during and after the marriage took place. The results show that the traditional wedding practices and ceremonies practiced by the Indian society today have changed but they still follow the culture of ancestors. Thus, the implications of this study are important to preserve the customs, practices and cultural heritage of the Malaysia ancestral traditions from extinct.*

**Keywords:** *Indian community, traditional wedding ceremonies, modern wedding practice.*

## **PENDAHULUAN**

Sekinchan merupakan sebuah pekan kecil yang terletak di daerah Sabak Bernam, Selangor. Aktiviti ekonomi utama di Sekinchan adalah pertanian. Sekinchan juga dikenali sebagai jelapang padi kedua terbesar di Malaysia selepas Negeri Kedah. Sekinchan juga terkenal dengan pengeluaran padi per hektar yang tertinggi di Malaysia iaitu melebihi 10 tan metrik per hektar per musim (Nurul Izzati *et al.*, 2020). Menurut Mohd Hafizi (2014) dalam Nurul Izzati *et al.* (2020), majoriti penduduk di Sekinchan adalah masyarakat Cina (60 peratus), diikuti oleh masyarakat Melayu (30 peratus) dan kaum-kaum lain (10 peratus).

Masyarakat India merupakan etnik ketiga terbesar di Malaysia. Mereka juga kaya dengan ciri-ciri kebudayaan seperti masyarakat lain. Kebanyakan adat resam yang diamalkan oleh masyarakat India mempunyai persamaan dengan kebudayaan masyarakat Melayu misalnya dalam aspek kelahiran dan perkahwinan (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2013). Dalam kajian ini penyelidik melihat kepada isu budaya yang diwarisi oleh masyarakat India di Sekinchan. Isu budaya yang dibincangkan adalah berkaitan pengekalan adat perkahwinan tradisi atau moden oleh masyarakat India di Sekinchan.

Adat perkahwinan merupakan suatu perkara yang penting bagi semua masyarakat. Namun demikian, upacara perkahwinan yang dijalankan oleh setiap kumpulan etnik di Malaysia misalnya, dalam kalangan masyarakat Melayu, Cina, dan India adalah berbeza antara satu sama lain. Menurut Robiah (2001), perkahwinan adalah penyatuan atau cantuman dua personaliti yang berbeza dengan tujuan untuk mencapai peningkatan kematangan dan bagi menambahkan zuriat di muka bumi. Institusi sosial perkahwinan berasaskan sepasang lelaki dan perempuan yang disahkan sebagai suami dan isteri secara sah di sisi undang-undang (Kaur, 1987). Perkahwinan boleh juga ditafsirkan maknanya sebagai penerimaan masyarakat terhadap hak seorang lelaki dan perempuan untuk tinggal bersama sebagai suami isteri. Mengikut Mair (1965), perkahwinan merupakan penyatuan lelaki dengan perempuan dan zuriat yang dilahirkan oleh si perempuan diakui sebagai anak kepada kedua-dua pihak.

Berdasarkan undang-undang tradisional agama Hindu, perkahwinan adalah perikatan yang suci. Secara amnya, perkahwinan dilakukan untuk *dharma* di mana semua manusia di dunia perlu mengikuti jalan yang benar. Dalam agama Hindu, *dharma* diertikan sebagai suatu kewajipan ataupun tugas yang perlu diikuti oleh semua manusia. Namun, kewajipan tersebut berbeza mengikut umur, jantina dan kedudukan sosial manusia. Secara ringkasnya, *dharma* dianggap sebagai suatu kekuatan yang memelihara dan menjadikan manusia yang bermoral di alam semesta ini. Menurut agama Hindu, tujuan bagi sesebuah perkahwinan adalah untuk mencapai *dharma* dan bukan untuk kesenangan sahaja. Perikatan suci bagi pasangan juga dipercayai akan berterusan sehingga kelahiran akan datang (Bablu, 2018). Namun, adat dan amalan perkahwinan dalam kalangan masyarakat India kini telah mengalami perubahan. Justeru, persoalan utama kajian ini adalah bagaimanakah proses


upacara dalam adat dan amalan perkahwinan masyarakat India di Sekinchan, Selangor dilakukan pada masa kini serta sejauhmanakah masyarakat India di Sekinchan, Selangor pada masa kini masih mengamalkan adat perkahwinan tradisional mereka atau ia telah berubah?

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana kaedah ini digunakan oleh ahli antropologi sosial untuk mengkaji tentang budaya seperti adat dan amalan perkahwinan. Kaedah kutipan data utama adalah temu bual mendalam. Bagi mengumpul data, penyelidik telah memilih seramai empat informan untuk ditemu bual. Informan yang dipilih tersebut terdiri daripada masyarakat India yang tinggal di sekitar Pekan Sekinchan. Penyelidik telah menyediakan beberapa soalan panduan temu bual mengenai adat perkahwinan masyarakat India sebelum temu bual dijalankan tersebut. Selain daripada kaedah temu bual, kaedah pemerhatian juga digunakan dalam kajian ini. Misalnya, penyelidik memerhatikan upacara *nalunggu* (penyucian) iaitu sebelum perkahwinan berlangsung. Teknik pemerhatian ini sangat membantu penyelidik dalam mengenal pasti proses upacara dalam adat perkahwinan tersebut. Kemudian, penyelidik juga menggunakan kaedah kajian sumber sekunder atau perpustakaan untuk memperoleh maklumat-maklumat yang berkaitan dengan adat perkahwinan masyarakat India. Bahan rujukan yang digunakan adalah seperti artikel, buku ilmiah dan tesis. Segala maklumat dan data yang diperoleh daripada perpustakaan dibaca dengan teliti dan seterusnya dianalisis dengan persoalan yang berkaitan dengan kajian.

## **LOKASI KAJIAN**

Kajian ini dilakukan di Kampung Baru yang terletak di Sekinchan, Selangor (Rajah 1). Sekinchan merupakan sebuah pekan yang terletak di daerah Sabak Bernam.



**Rajah 1** Peta Sekinchan

Sumber: Ubah suai daripada [www.visit-sekinchan.com](http://www.visit-sekinchan.com)  
dilayari pada 19 November 2020

## SOROTAN LITERATUR

### Definisi Konsep

Bentuk Pemilihan Pasangan: dalam memilih pasangan perkahwinan, beberapa dimensi sosial tertentu dipertimbangkan misalnya, status, kelas, kumpulan etnik, bangsa, dan sebagainya. Menurut Jack (2015), terdapat beberapa bentuk pemilihan pasangan:

#### *Endogami*

Amalan perkahwinan memilih pasangan hanya dari satu kumpulan sosial sendiri, terutamanya dari kumpulan etnik sendiri. Kebanyakan anggota masyarakat mengamalkan perkahwinan endogami. Mereka digalakkan berkahwin dengan individu daripada keluarga, kaum, kasta, agama, kelas sosial atau kumpulan etnik mereka (Norazit, 1989).

#### *Eksogami*

Pemilihan pasangan di luar kumpulan sosial atau kumpulan etnik. Kelompok ini mungkin dalam bentuk kelompok persanakan, kelompok keluarga, kelompok perkampungan atau kelompok suku.

### ***Kediaman selepas perkahwinan (Post Marital Residence)***

Corak kediaman selepas perkahwinan terbahagi kepada dua jenis menurut Brewer (2016). Terdapat beberapa dimensi sosial yang dipertimbangkan dalam penentuan corak tempat tinggal.

#### ***Patrilokal (Virilokal)***

Corak pemilihan tempat tinggal virilokal ini adalah di mana pasangan yang berkahwin mengikuti keluarga sebelah suaminya. Peraturan patrilokal menentukan bahawa setelah berkahwin seorang lelaki tetap berada di rumah ayahnya sementara isterinya meninggalkan keluarganya dan mengikuti suaminya. Merujuk kepada peraturan virilokal, seorang isteri mesti pindah ke rumah suaminya selepas berkahwin.

#### ***Matrilokal (Uxorilokal)***

Corak pemilihan tempat tinggal uxoriilokal ini adalah dimana pasangan yang berkahwin mengikuti keluarga sebelah isterinya. Peraturan matrilokal menentukan bahawa selepas perkahwinan seorang wanita tetap berada di rumah ibunya, sementara suaminya meninggalkan keluarganya untuk bergerak bersamanya. Merujuk kepada peraturan uxoriilokal, seorang suami mesti berpindah ke rumah isterinya.

#### ***Neolokal***

Corak pemilihan tempat tinggal neolokal ini biasanya berlaku dalam kalangan masyarakat perindustrian. Pasangan yang berkahwin tinggal secara berasingan daripada ibu bapa di mana bentuk neolokal ini berbeza daripada virilokal dan uxoriilokal. Pembangunan masyarakat moden telah menyebabkan berlaku peningkatan dalam neolokal ini.

## Ulasan Kajian Lepas

Adat perkahwinan merupakan suatu amalan yang sangat penting bagi semua etnik dan masyarakat. Perkahwinan dalam konteks masyarakat India merupakan satu kewajipan dalam kehidupan. Namun, adat dan amalan perkahwinan dalam kalangan masyarakat India di Malaysia pada masa kini juga tidak terkecuali daripada mengalami perubahan. Perubahan ini menunjukkan bahawa budaya itu bukanlah sesuatu yang kekal atau static. Terdapat beberapa kajian lepas yang menunjukkan bahawa perubahan berlaku dalam adat perkahwinan masyarakat India.

Kajian yang dilakukan oleh Makwana dan Xavier (2016), bertajuk "*Hindu marriage: A study of changes from Vedic Period to modern times*" menegaskan tentang asal usul konsep perkahwinan agama Hindu daripada falsafah *Vedik* dan tradisi. Beliau menggunakan kaedah sekunder untuk mendapatkan data seperti buku, jurnal artikel dan sebagainya. Tujuan utama kajian mereka adalah untuk menganalisis perubahan yang berlaku dalam perkahwinan Hindu dan menentukan senario perkahwinan dalam masyarakat India. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa konsep perkahwinan tradisional telah digantikan dengan sifat individu dalam masyarakat India. Misalnya, dalam perkahwinan zaman moden kini perkahwinan secara aturan (diatur oleh ibu bapa) tidak lagi dipercayai dan diamalkan oleh masyarakat India. Berdasarkan kajian mereka menunjukkan bahawa kehidupan moden kini telah membawa kepada perubahan sosial dan amalan budaya dalam kalangan masyarakat India.

Kajian oleh Gopal (2014), bertajuk, "*The changing concept of Hindu marriage in modern India: With special reference to N.R.I marriages*" yang berfokus kepada perubahan dalam tingkah laku dan perubahan dalam konsep perkahwinan Hindu. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual mendalam dan kajian empirikal untuk menjalankan kajian. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa 46 peratus responden suka terhadap pertalian keluarga dalam menentukan perkahwinan, manakala 43 peratus pula lebih suka kepada kehendak sendiri daripada kehendak keluarga dalam menentukan pasangan perkahwinan mereka. Bagi 11 peratus lagi, mereka lebih cenderung kepada perkahwinan kontrak pilihan sendiri. Dalam kajian ini juga mendapati bahawa

lelaki lebih suka pengantin yang sederhana dan berpendidikan tinggi. Hasil kajian ini membantu melihat perubahan dalam sikap ahli masyarakat India pada masa kini dalam isu perkahwinan.

Selain itu, perubahan yang berlaku dalam upacara perkahwinan dalam kalangan masyarakat India juga dipengaruhi oleh beberapa faktor. Hal ini dapat dilihat dalam kajian Kavya dan Pavan Kumar (2015), bertajuk “*A sociological study on religious aspects in Hindu marriage system*”. Hasil kajian ini menunjukkan terdapatnya perubahan yang berlaku dalam amalan dan ritual perkahwinan masyarakat India di Karnataka, India. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa perubahan yang berlaku dalam perkahwinan adalah disebabkan beberapa faktor seperti pengaruh “*westernization*”, “*education*”, “*industrialization*”, “*urbanization*” dan “*globalization*”.

Seterusnya, perubahan yang berlaku dalam adat perkahwinan ini juga disokong oleh kajian Roy, Bairwa, Suresh, dan Meena (2014) yang bertajuk “*Traditional marriage customs in Rajasthan, India: A study of Kayad Village of Ajmer District*”. Hasil kajian mendapati berlakunya perubahan dalam sikap dan pemikiran ahli masyarakat India dalam hal perkahwinan. Sikap “*stereotype*” yang lebih mementingkan pencapaian pendidikan oleh masyarakat moden kini berbanding masyarakat tradisi. Dalam kajian ini, kaedah temu bual dan perbincangan secara kumpulan digunakan untuk mengumpul data. Kajian ini juga menerangkan pelbagai jenis perkahwinan, tingkah laku, dan persepsi masyarakat terhadap perkahwinan tradisional di Rajasthan.

Selain itu, upacara perkahwinan yang dilakukan oleh masyarakat mempunyai makna dan simbol yang tertentu. Dalam masyarakat India pada masa kini, kebanyakan mereka tidak mengetahui proses dan makna yang sepenuhnya dalam melakukan sesuatu upacara perkahwinan tradisi. Dalam kajian bertajuk “*Tolkalppiyam Kaatum Vaazhkkai*”, oleh Rethiyar (1988), menjelaskan bahawa proses upacara perkahwinan etnik Tamil mengikut warisan “*Tolkappiyam*” merupakan satu tulisan masyarakat Tamil yang terawal tentang adat dan amalan perkahwinan. Buku ini mengandungi semua proses upacara perkahwinan berlangsung dengan maknanya yang terperinci.



Kajian Ramalinggam, Vanaja dan Kirubini bertajuk, (2012) “*Hindu marriage and its position in the Malaysian marriage law*”. Kajian ini menunjukkan pendefinisian perkahwinan berdasarkan agama Hindu dan konsep perkahwinan berdasarkan masyarakat India di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa perubahan masyarakat ke era moden, masyarakat hanya mengutamakan pendaftaran perkahwinan dalam *Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 (LRA)* daripada mengadakan upacara menurut keturunannya. Namun, isu tersebut tidak diambil kira penting dalam kalangan masyarakat Hindu di Malaysia kerana pendaftaran perkahwinan dikira penting dari segi undang-undang untuk dikenali sebagai pasangan yang sudah berkahwin.

Oleh itu, secara ringkasnya, berdasarkan hasil kajian lepas, jelas menyatakan bahawa upacara dalam adat perkahwinan dalam kalangan masyarakat India mengalami perubahan. Perubahan tersebut disebabkan oleh beberapa faktor seperti pendidikan, ekonomi, sosial, dan sebagainya. Adat perkahwinan ini juga dianggap sebagai suatu yang penting dan setiap upacara perkahwinan tersebut mempunyai proses dan makna yang tertentu. Cara pemilihan pasangan dalam kalangan masyarakat India juga dipengaruhi oleh agama dan latar belakang sesebuah keluarga tersebut. Hasil kajian lepas menunjukkan pelbagai faktor yang mempengaruhi perubahan dalam adat istiadat perkahwinan masyarakat India, maka kajian ini meneroka apakah faktor kepada perubahan adat dan amalan masyarakat India di Sekinchan, Selangor.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **A. Ciri-ciri adat dan amalan upacara perkahwinan masyarakat India di Sekinchan, Selangor**

#### **i. Upacara sebelum perkahwinan berlangsung**

##### ***Merisik***

Amalan merisik merupakan amalan di mana keluarga pihak lelaki akan melamar bakal pengantin perempuan. Amalan merisik ini berlangsung di

mana keluarga pihak lelaki dan perempuan melamar untuk menetapkan sebuah ikatan perkahwinan. Sebelum keluarga pihak lelaki mengunjungi rumah keluarga pihak perempuan, amalan melihat astrologi dilakukan untuk melihat kesepadanan antara calon yang akan berkahwin. Kajian ini mendapati kepercayaan ahli masyarakat India di Sekinchan tidak lagi begitu kukuh seperti masyarakat India dahulu dalam mempercayai aspek astrologi. Hal ini demikian kerana, ahli masyarakat India pada masa kini lebih percaya kepada diri sendiri. Kepercayaan pada diri sendiri, di mana kesefahaman yang baik antara pasangan akan menuju kepada keluarga yang harmoni. Misalnya, (Informan 4, 2019), mengatakan bahawa mereka percaya pasangan perlu bertolak ansur dan bertanggungjawab untuk meneruskan kehidupan mereka yang bahagia pada masa depan.

Namun, melihat *jhatagam* (astrologi) ini adalah hanya 65 peratus sahaja manakala 35 peratus lagi dalam tangan manusia. Ini kerana, tidak boleh hanya mempercayai *Jhatagam* secara 100 peratus. Oleh itu, *Jhatagam* ini hanya untuk 65 peratus dalam kehidupan manusia. (Informan 4, 2019)

### ***Peminangan (Nichayathaartam)***

Upacara peminangan ini berlangsung di mana kedua-dua keluarga akan memberi persetujuan dan mengesahkan pertalian antara kedua-dua pasangan tersebut. Keluarga pengantin lelaki akan melawat ke rumah pengantin perempuan untuk melamarnya sambil membawa dulang yang dipenuhi dengan bahan-bahan seperti kelapa, buah, bunga, sirih dan pinang, dan sebagainya. Kajian ini mendapati upacara atau amalan peminangan ini tidak berlaku perubahan besar dalam adat perkahwinan masyarakat India di Sekinchan. Upacara peminangan tradisi ini masih diamalkan oleh masyarakat India tersebut. Perubahan yang dapat dilihat adalah masyarakat kini tidak terikat dengan bahan-bahan yang dinyatakan tadi namun, mereka turut membawa bahan-bahan yang lain sebagai tanda pemberian hadiah perkahwinan kepada pengantin misalnya, *saree* dan alat perhiasan mengikut kesesuaian keluarga masing-masing. Upacara peminangan ini diambil kira sebagai suatu proses pengesahan bagi kedua-dua keluarga untuk persetujuan perkahwinan. Oleh itu, upacara peminangan ini masih diamalkan oleh masyarakat India di Sekinchan secara tradisi.

### ***Bertunang (Parisam)***

Upacara bertunang ini dilakukan di rumah pengantin perempuan. Upacara ini dibuat secara besar-besaran, iaitu dengan mengundang segala saudara-mara, orang awam dan sebagainya. Keluarga pengantin lelaki akan membawa dulang-dulang dalam angka ganjil yang penuh dengan bahan-bahan seperti barang perhiasan untuk pengantin perempuan, kelapa dalam angka ganjil yang disapu kunyit, manisan, kumkum, cendana, *saree* untuk pengantin, cincin untuk pengantin perempuan dan sebagainya. Pengiraan angka ganjil dianggap suci dalam budaya masyarakat Hindu. Hal ini demikian kerana, setiap nombor ganjil iaitu 1, 3, 5, 7, 9 mempunyai kesinambungan dengan budaya dan keagamaan. Kajian ini mendapati perubahan yang berlaku dalam upacara bertunang ini adalah pemakaian cincin. Hal ini disebabkan masyarakat dahulu hanya membuat pertukaran kalung bunga dalam upacara pertunangan.

Cincin bagi pengantin lelaki dibelikan oleh keluarga pengantin perempuan manakala cincin bagi pengantin perempuan pula dibelikan oleh keluarga pengantin lelaki. (Informan 4, 2019).

### ***Upacara Pembuatan Thali***

Kajian ini mendapati bahawa upacara *Ponnurukkuthal* (pembuatan *Thali*) tidak diamalkan lagi oleh masyarakat India di Sekinchan. Hal ini demikian kerana, perubahan zaman ke era pemodenan telah menyebabkan semua barang boleh didapati dengan mudah. Ahli masyarakat India di Sekinchan lebih mudah untuk pergi ke kedai untuk membeli jenis *Thali* yang sudah sedia dibuat dan dijual. Jadi masyarakat India di Sekinchan tidak lagi cenderung untuk mendapatkan khidmat *Aasari* (tukang membuat *Thali*) untuk membuat *Thali* bagi upacara perkahwinan tersebut.

### ***Upacara Nalunggu (Penyucian)***

Upacara *nalunggu* (upacara penyucian) ini dilakukan sebelum beberapa hari perkahwinan berlangsung. Upacara *nalunggu* ini dilakukan oleh kedua-dua keluarga pengantin iaitu di rumah masing-masing. Dalam upacara *nalunggu* ini, terdapat beberapa *sadangu* (ritual) yang perlu dilakukan secara berperingkat. *Sadangu* yang dibuat dalam upacara *nalunggu* adalah

seperti *Pantha kaal Unuthal* (menanam batang pokok), dan *nalunggu* (ritual menyapu kunyit terhadap pengantin lelaki dan perempuan). Masyarakat India di Sekinchan pada masa kini telah meringkaskan upacara *nalunggu* tersebut kepada satu ataupun dua hari sahaja. Dalam masyarakat dahulu, upacara *nalunggu* berlangsung selama empat hari, manakala untuk pengantin perempuan selama lima hari. Perkara ini dinyatakan oleh Informan 3 iaitu,

Upacara *nalunggu* telah diringkaskan kepada dua hari sebelum perkahwinan (Informan 3, 2019).

## **ii. Upacara semasa perkahwinan berlangsung**

### ***Upacara Perkahwinan***

Upacara perkahwinan ini berlangsung di kuil, ataupun di dewan. Terdapat beberapa proses yang berlaku semasa perkahwinan berlangsung. Misalnya, proses bermula daripada ritual sembahyang sehingga berakhirnya dengan ritual pembukaan benang suci pengantin. Upacara perkahwinan ini berlangsung dengan bantuan *gurukkal* (sami) di mana beliau akan memberikan arahan-arahan yang perlu dibuat sehingga upacara perkahwinan tersebut selesai.

### ***Ireivalipaadu (sembahyang)***

Upacara perkahwinan bermula dengan pemujaan kepada Tuhan. *Gurukkal* (sami) akan menyediakan segala alat yang diperlukan untuk perkahwinan. Kajian ini mendapati upacara sembahyang ini masih diamalkan oleh masyarakat India di Sekinchan tanpa perubahan besar di mana *gurukkal* akan menghiaskan *kumbam* (alat mangangkut air) dengan meletakkan kelapa di atasnya sebagai kepala dan meletakkan *vermilion* (tanda titik merah) di atasnya. Kemudian, atas kelapa tersebut *gurukkal* akan mengikat dengan kain dan menghiasnya. Masyarakat India mempercayai bahawa *kumbam* tersebut sebagai Tuhan di mana adanya *kumbam* besar dan kecil yang dianggap sebagai *Sivan* dan *Parvathi* (Tuhan). Upacara ini tidak mengalami perubahan besar dalam masyarakat India di Sekinchan kerana kepercayaan mereka terhadap Tuhan masih kukuh sebagaimana masyarakat Hindu tradisional.

### ***Petroor Valipaadu (memberi penghormatan kepada orang tua)***

Upacara ini adalah untuk menunjukkan tanda terima kasih kepada ibu bapa yang membesarkan anaknya sehingga mengahwinkan mereka. Upacara ini dilakukan oleh pasangan kepada kedua-dua ibu bapa masing-masing. *Gurukkal* (sami) akan mengiringi dengan pembacaan mantera-mantera dan memberi panduan untuk melakukan upacara tersebut. Upacara memberi penghormatan kepada orang tua tersebut tidak mengalami perubahan ketara. Hal ini demikian kerana, upacara penghormatan ini dianggap sangat penting dan masyarakat India di Sekinchan dan mereka masih mempercayai bahawa restu ibu bapa merupakan suatu hal yang sangat suci. Masyarakat India di Sekinchan masih mengamalkan upacara memberi penghormatan kepada ibu bapa sebagai suatu kepercayaan yang penting iaitu selari dengan kepercayaan kepada Tuhan.

### ***Kaapukatuthal (Ikat benang suci)***

Upacara pengikatan benang suci ini dilakukan oleh *gurukkal* (sami) kepada pengantin lelaki dan perempuan pada hari perkahwinan berlangsung. Benang suci tersebut diikat dengan kunyit hidup atas puncaknya. Kajian ini mendapati bahawa masyarakat India di Sekinchan masih mempercayai bahawa pengikatan benang tersebut dapat menghindarkan segala keburukan, kesedihan dan penyakit dan pantang larangnya. Upacara pengikatan benang suci dan tanam pokok ini masih diamalkan oleh masyarakat India semasa perkahwinan berlangsung di mana *gurukkal* (sami) yang mengikatkannya kepada pengantin lelaki dan perempuan.

### ***Manamakkalukku Aadei Walanguthal (pemberian pakaian pengantin kepada pasangan)***

Pengantin lelaki akan memakai *vesthi* dan “*jippa*” (pakaian yang berwarna putih) dengan *talaipa* (*headwear*). Bagi pengantin perempuan pula, dia akan memakai *saree* “*Kanjeevaram Silk*”. Banyak perubahan yang dapat dilihat dalam upacara pemakaian baju pengantin dalam masyarakat India di Sekinchan berbanding upacara tradisional. Sebagai contoh, masyarakat India di Sekinchan kini tidak mengutamakan penggunaan warna merah, malah

memberi keutamaan kepada kecantikan. Hal ini demikian kerana, warna merah merupakan simbol *Durga* (Tuhan) dan kesejahteraan. *Saree* yang digunakan dalam upacara pakaian pengantin oleh masyarakat India dahulu tidak begitu mahal. Hal ini demikian kerana, masyarakat India kini lebih menggemari keunikan dan keistimewaan.

Terdapat upacara yang tidak disebut dalam amalan perkahwinan masyarakat India tradisional namun, ia terdapat dalam amalan masyarakat India di Sekinchan. Misalnya,

Semasa pengantin lelaki datang ke pentas dengan memakai pakaian perkahwinan, *Maapile Tholen* (adik atau abang kepada pengantin perempuan) akan memakaikan cincin kaki kepada pengantin lelaki. Sebagai balasan, pengantin lelaki akan memakaikan rantai emas kepada adik saudara tersebut (Informan 4, 2019).

Tujuan upacara pemberian hadiah tersebut diamalkan untuk mengeratkan hubungan antara kedua-dua keluarga dan ia juga dilakukan berdasarkan kesesuaian sesebuah keluarga.

### ***Mangala Naan Valipaadu (upacara merestui Thali)***

Upacara merestui *Thali* ini masih diamalkan oleh masyarakat India di Sekinchan. Masyarakat India mempercayai bahawa *Thali* merupakan simbol kepada wanita ataupun seorang isteri maka ia diberi penghormatan oleh ahli masyarakat sejak dahulu. Upacara merestui *Thali* tersebut tidak mengalami perubahan besar, malah telah ditambah oleh masyarakat India di Sekinchan. Masyarakat India dahulu menentukan bahawa *Thali* tersebut diletakkan di atas kelapa dan beras-beras yang disapu dengan kunyit untuk direstui, manakala masyarakat India di Sekinchan telah menambahkan bunga-bunga dengan beras-beras yang disapu kunyit supaya kelihatan menarik.

### ***Manamakkal Uruthi Mozhi (upacara melafazkan perjanjian)***

Upacara pengucapan kata-kata perjanjian ini menjadi bukti dan sokongan kepada perkahwinan berlangsung. Kata-kata perjanjian tersebut akan diucap oleh pengantin lelaki dan perempuan yang diiringi oleh *gurukkal*. Kata-kata

perjanjian tersebut diucap atas sokongan *Agni* (api) yang dianggap sebagai suatu perantaraan antara Tuhan dengan pasangan tersebut. Hasil kajian ini mendapati bahawa upacara pengucapan kata-kata perjanjian tersebut tidak mengalami perubahan ketara dalam amalan perkahwinan masyarakat India di Sekinchan. Hal ini demikian kerana, ia merupakan ajaran dalam agama Hindu. Jelas bahawa pengucapan kata-kata perjanjian ini masih diamalkan dan dipercayai sangat penting dalam adat perkahwinan masyarakat India.

### ***Mangala Naan Anithal (upacara pengikatan Thali)***

Upacara pengikatan *Thali* juga tidak mengalami perubahan ketara dalam masyarakat India di Sekinchan. Hal ini demikian kerana, masyarakat India percaya bahawa upacara pengikatan merupakan simbol sudah berkahwin bagi pengantin perempuan. Simbol bagi pengantin lelaki pula adalah pemakaian cincin kaki “*minju*”. Semasa upacara pengikatan *Thali* berlangsung, alat muzik tradisional (Rajah 5) dimainkan bagi menghindari pasangan mendengari perkara-perkara yang negatif. Masyarakat India masih mengamalkan amalan alat muzik tradisional tersebut. (Informan 3, 2019) mengatakan bahawa “Pengantin lelaki akan mengikat *Thali* kepada pengantin perempuan. Pengantin lelaki akan mengikat tiga simpul pada penghujung *Thali* tersebut”.

### ***Manamakal Valam Varuthal (upacara mengelilingi api)***

Upacara mengelilingi api ini perlu dilakukan tiga pusingan yang diiringi dengan pengucapan mantera-mantera khas oleh “*gurukkal*”. Setelah pusingan *Agni* selesai, pasangan lelaki memakaikan “*minju*” (cincin kaki) kepada isterinya (Rajah 7). Bagi pengantin lelaki pula, “*minju*” dipakaikan oleh adik lelaki kepada pengantin perempuan. Upacara mengelilingi api dan pemakaian *minju* masih diamalkan oleh masyarakat India kini. Seperti dinyatakan oleh Informan 3 iaitu:

Pakai *minju* (cincin) ini memberikan *good vibration* kepada wanita... batu Ammi sangat kuat. Jadi, kehidupan pasangan juga akan begitu kuat (Informan 3, 2019).

Kajian ini mendapati bahawa terdapat perubahan yang berlaku dalam upacara mengelilingi api pada pusingan pertama. Hal ini demikian kerana,

masyarakat India di Sekinchan kini tidak lagi mengamalkan upacara “*Sapta Patham*”. Upacara “*Saptha Patham*” (jalan tujuh tapak kaki) ini dilakukan selepas pusingan pertama selesai, iaitu pengantin lelaki perlu memegang kaki kanan pengantin perempuan untuk melangkah tujuh tapak dalam pusingan tersebut. “*Sapta Patham*” telah digantikan dengan upacara pembuangan “*Pori*” (sejenis makanan) ke dalam api. Upacara tersebut dipercayai akan mendapat restu Tuhan kerana api dianggap sebagai perantara daripada Tuhan. Dalam masyarakat Hindu, unsur api dipercayai mewakili simbol Tuhan.

Perubahan yang berlaku dalam masyarakat India di Sekinchan adalah kerana upacara tersebut tidak lagi dianggap sesuai untuk diamalkan. Hal ini demikian kerana, upacara “*Sapta Paatham*” dipercayai dilakukan mereka yang mempelajari “*vedic*” misalnya, “*gurukkal*” (sami). Oleh hal yang demikian, upacara tersebut tidak lagi diamalkan dalam masyarakat India di Sekinchan. Malah, pusingan kedua dan ketiga tidak mengalami perubahan.

### ***Maalei Maatrel (upacara pertukaran kalung bunga)***

Upacara pertukaran kalung bunga ini tidak mengalami banyak perubahan dalam amalan perkahwinan masyarakat India di Sekinchan berbanding amalan tradisi. Upacara ini masih diamalkan oleh pasangan perkahwinan dan menjadi tanda penerimaan segala kegembiraan dan kasih sayang dengan saling bertukar. Upacara pertukaran kalung bunga ini dilakukan sebanyak tiga kali oleh pasangan.

### ***Pattam Kattuthal (upacara mengikat Pattam atas dahi pengantin)***

Upacara pengikatan “*Pattam*” di atas dahi pengantin merupakan proses yang dilakukan sebagai tanda hadiah kepada pasangan. Upacara pengikatan “*Pattam*” tersebut dibuat oleh mak cik dan pak cik kepada pasangan tersebut. Upacara pengikatan “*Pattam*” mengalami perubahan di mana saudara-mara, kawan-kawan dan sebagainya turut terlibat.



### ***Vaaltu urei (upacara merestui pasangan)***

Upacara merestui ini dilakukan oleh “*gurukkal*” dengan pembacaan mantera-mantera khas untuk pasangan tersebut supaya mereka bahagia dalam kehidupan. Ibu bapa kepada pasangan tersebut juga akan merestui pasangan. Upacara merestui ini tidak mengalami perubahan dalam amalan masyarakat India di Sekinchan. Upacara merestui ini dipercayai akan membawa nasib yang baik dalam kehidupan.

### ***Kannaaru Kalittal (upacara menghilangkan bala-bala)***

Upacara ini diketuai oleh orang-orang tua di mana mereka mengambil “*Aarti*” dan merestui dengan menaburkan beras yang disapu dengan kunyit. Upacara merestui tersebut dipercayai akan menghilangkan segala bal yang kena ke atas pasangan tersebut. Upacara menghilangkan bala-bala tersebut dipercayai akan memberikan suatu kehidupan baharu kepada pasangan. Jadi, upacara menghilangkan bala-bala ini masih diamalkan oleh masyarakat India di Sekinchan.

### ***Kaappu Kaleittel (upacara pembukaan benang suci)***

Upacara ini bermula dengan “*gurukkal*” menyediakan beberapa barang seperti kelapa, sirih pinang, dulang dan sebagainya. Seterusnya, “*gurukkal*” akan membuka benang suci yang diikat di tangan pengantin lelaki, manakala benang suci di tangan pengantin perempuan pula dibuka oleh pengantin lelaki. Setelah pembukaan benang suci tersebut berlangsung, maka upacara perkahwinan juga selesai. Upacara pembukaan benang suci ini masih diamalkan oleh masyarakat India di Sekinchan. Masyarakat India percaya bahawa pembukaan benang suci tersebut menentukan berakhirnya upacara perkahwinan.

### **iii. Upacara selepas perkahwinan berlangsung**

#### ***Wirunthu Nigalchi (Kenduri)***

Masyarakat di Sekinchan kebanyakannya mengadakan kenduri perkahwinan di dewan kerana tempat yang luas dapat memuatkan ramai tetamu. Perbelanjaan

untuk kenduri perkahwinan ini akan ditanggung oleh kedua-dua belah keluarga. Jika dibandingkan dengan masyarakat dahulu, segala perbelanjaan dilakukan oleh keluarga pengantin perempuan sahaja. Perubahan yang berlaku dalam amalan masyarakat India kini adalah kerana masyarakat dapat memahami kenaikan harga dan perbelanjaan zaman kini. Hal ini menyebabkan kedua-dua keluarga berbincang dan membahagikan perbelanjaan mereka dalam upacara kenduri perkahwinan.

### ***Grihapravesham (upacara menjemput pengantin perempuan ke rumah suaminya)***

Upacara menjemput pengantin perempuan ke rumah suaminya selepas upacara perkahwinan selesai berlangsung. Pengantin perempuan diminta sembahyang dan menyalakan api di rumah suaminya. Seterusnya, pasangan tersebut akan melawat rumah pengantin perempuan dan akan tinggal selama tiga hari. Setelah tiga hari selesai, pasangan tersebut akan dijemput balik ke rumah suaminya di mana mereka akan tinggal selamanya ataupun tinggal secara berasingan.

Ritual pertukaran *Thali* akan diadakan kepada pengantin perempuan di rumah mentuanya. Perubahan yang terdapat dalam amalan ini adalah pertukaran *Thali* yang digantikan dengan emas. Terdapat juga segelintir masyarakat India di Sekinchan yang menggantikan *Thali* setelah tiga bulan perkahwinan berlangsung. Ia adalah mengikut kesesuaian masing-masing. Pertukaran *Thali* dengan emas adalah mengikut kemampuan masing-masing. Masyarakat tradisional India hanya menggunakan *Thali* yang dibuat dalam tali yang biasa malah, masyarakat kini telah menggantikannya dengan emas. Perubahan zaman pada era kemodenan ini telah menyebabkan masyarakat juga telah mengadaptasikan dengan pengamalan adatnya.

## **B. Ciri-ciri Perubahan yang Berlaku dalam Amalan Adat Perkahwinan Masyarakat India di Sekinchan**

Berdasarkan informan dalam kajian ini di Sekinchan, proses perkahwinan masyarakat India telah juga mengalami perubahan sedikit sebanyak jika dibandingkan dengan adat dan amalan perkahwinan tradisi yang ideal. Namun,

perubahan-perubahan tersebut tidak menyebabkan adat tersebut terhakis, malah ia telah diringkaskan dan diaplikasikan mengikut kesesuaian masyarakat kini. Setiap upacara yang diamalkan oleh nenek moyang masih diamalkan di Sekinchan kecuali upacara pembuatan *Thali* dan *Sapta Patham*. Upacara tersebut tidak diamalkan kerana *Thali* boleh didapati di kedai secara siap sedia dan ia memudahkan lagi masyarakat kini. Upacara *sapta patham* (jalan tujuh tapak kaki) pula dikatakan bahawa tidak lagi diamalkan di Sekinchan kerana digantikan dengan upacara penaburan *pori* (sejenis beras) dalam api. Namun, upacara *Sapta Patham* tersebut masih diamalkan oleh masyarakat India yang tinggal di India. Upacara tersebut hanya dilakukan dalam perkahwinan-perkahwinan Brahmin misalnya, sami-sami. Hal ini demikian kerana, upacara “*Sapta Patham*” tersebut mengandungi pembacaan *vedik* secara mendalam dan diamalkan dalam perkahwinan Brahmin sahaja.

Perubahan yang berlaku dalam upacara-upacara perkahwinan sama ada sebelum, semasa, dan selepas bukan secara sepenuhnya, malah secara sedikit-sedikit dimana masyarakat kini telah meringkaskan beberapa ritual dengan kesesuaian mereka. Masyarakat India di Sekinchan juga telah menambah beberapa upacara dalam proses perkahwinan. Upacara pemakaian cincin kaki kepada pengantin lelaki dan upacara “*taare waattu kuduttal*” upacara mengambil (dari saat ini anak kami adalah anak kamu dan anak kamu adalah sebagai anak kami) yang dibuat oleh ibu bapa pasangan. Upacara tersebut tidak terdapat dalam masyarakat tradisional India, manakala ia telah diamalkan oleh masyarakat India di Sekinchan. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat kini telah mengadaptasi pengamalan budaya mengikut perubahan zaman.

Berdasarkan informan dalam kajian, jumlah perbelanjaan perkahwinan masyarakat tradisional dilakukan dengan kadar biasa tetapi kadar perbelanjaan perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat India kini adalah tinggi. Hal ini demikian kerana, masyarakat India zaman kini telah terpengaruh untuk bersaing dan mereka juga membuat pembaharuan dalam pengamalan budaya supaya majlis perkahwinan tersebut kelihatan unik, moden dan sesuai dengan semua ahli masyarakat. Hal ini juga berlaku dalam proses perkahwinan masyarakat India di Sekinchan. Namun, dalam proses perkahwinan yang diamalkan tersebut mereka tidak meninggalkan terus kepercayaan dan amalan agama Hindu yang diwarisi daripada nenek moyang. Masyarakat India di

Sekinchan telah meringkas dan menambahkan beberapa upacara mengikut kesesuaian masing-masing tanpa melupakan sama sekali budaya dan agama tersebut. Hal ini menunjukkan masyarakat India di Sekinchan kini memang mempunyai kesinambungan budaya dengan warisan tradisi nenek moyangnya.

## **FAKTOR YANG MENYEBABKAN PERUBAHAN DALAM ADAT PERKAHWINAN**

### **Pembangunan dan Pemodenan**

Proses perkahwinan masyarakat India di Sekinchan telah mengalami perubahan disebabkan oleh arus pembangunan dan pemodenan sebagaimana yang dialami oleh kebanyakan ahli masyarakat di seluruh dunia. Namun, perubahan yang berlaku tersebut bukanlah secara drastik. Perkahwinan masih lagi dianggap suatu yang penting dan harus diamalkan oleh masyarakat India. Perubahan yang berlaku tersebut dilakukan mengikut kesesuaian masing-masing. Upacara-upacara perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat India di Sekinchan masih berkesinambungan dengan upacara perkahwinan tradisi yang ideal.

Perubahan zaman dan masyarakat dari tradisi ke era pemodenan telah menyebabkan amalan budaya perkahwinan berubah. Perkembangan pendidikan telah mempengaruhi ahli masyarakat untuk membuat keputusan dalam kehidupan. Perkembangan pendidikan telah menyebabkan ahli masyarakat lebih berdikari dan mampu untuk mengambil keputusan sendiri misalnya, terhadap pemilihan pasangan dalam proses perkahwinan. Kemajuan pendidikan ini telah menyebabkan budaya perkahwinan masyarakat India di Sekinchan mengalami perubahan. Proses pemilihan pasangan dalam masyarakat India tradisional India adalah ditentukan oleh keluarga dan ibu bapa. Namun, masyarakat India di Sekinchan kini telah mengalami perubahan di mana pemilihan pasangan dilakukan oleh anak-anak mereka sendiri.

Perkembangan teknologi telah menyebabkan budaya perkahwinan masyarakat India di Sekinchan telah berubah. Beberapa upacara yang telah mengalami perubahan jika dibandingkan dengan masyarakat India tradisional. Perkembangan teknologi ini telah memudahkan masyarakat dalam memperolehi barangan dan peralatan perkahwinan misalnya, penjualan

“*Thali*” yang sedia ada di kedai. Jadi, masyarakat kini dapat membelinya mengikut kesesuaian masing-masing tanpa mencari “*Aasari*” (tukang membuat *Thali*) untuk membuat “*Thali*” seperti masyarakat tradisional. Masyarakat India di Sekinchan kini telah meringkaskan beberapa upacara perkahwinan untuk menjimatkan masa dan sumber kewangan. Secara umumnya, masyarakat dapat mengadaptasi daripada perubahan budaya yang berlaku pada masa kini. Manusia juga sebagai pengamal adat akan berusaha untuk memelihara kesucian adat yang telah diamalkan sejak turun-temurun (Gregory & Noria, 2020 dalam kajian Rozaliah, 2020).

## **PENDEKATAN TEORI**

### **Kesan Modenisasi terhadap Amalan dan Agama Tradisi**

Modenisasi merujuk kepada istilah sesuatu kemajuan atau proses perubahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat India di Sekinchan. Modenisasi membawa kemodenan dan kesejahteraan dalam kehidupan masyarakat kini. Kajian menunjukkan bahawa kesan pembangunan dan modenisasi ini telah menyebabkan berlaku perubahan dalam pengamalan budaya tradisi. Perubahan zaman ke era pembangunan ini mempengaruhi masyarakat untuk mengadaptasi budaya mengikut kesesuaian mereka supaya tidak pupus. Di sini dapat melihat bahawa perkahwinan tradisi yang ideal masih diamalkan oleh masyarakat India kini di Sekinchan, malah mereka mengubah dan menambah beberapa upacara dalam perkahwinan mengikut keperluan mereka. Perubahan atau penambahan tersebut dilakukan supaya masyarakat mencapai keseronokan dan kepuasan dalam kehidupannya. Masyarakat kini masih mempunyai berkesinambungan dengan amalan masyarakat tradisi dan menjaga unsur budaya nenek moyangnya.

## **KESIMPULAN**

Perkahwinan merupakan suatu adat yang penting bagi semua masyarakat. Adat perkahwinan adalah majlis yang dilakukan untuk menandakan permulaan sesebuah institusi alam perkahwinan. Setiap masyarakat mempunyai pelbagai cara ritual yang dilakukan untuk menyempurnakan suatu upacara perkahwinan. Perkahwinan adalah satu hubungan sah yang biasanya

melibatkan kerjasama secara sosial mahupun fizikal antara pasangan yang berkahwin dalam kehidupan.

Dalam kajian ini, penyelidik telah melakukan penyelidikan terhadap proses perkahwinan dalam kalangan masyarakat India di Sekinchan, Selangor iaitu dari peringkat sebelum perkahwinan berlangsung, semasa perkahwinan berlangsung dan selepas perkahwinan berlangsung. Penyelidik berjaya membandingkan proses perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat India kini dengan masyarakat India tradisional dahulu. Upacara perkahwinan yang dilakukan oleh masyarakat India kini dengan masyarakat tradisional India masih mempunyai kesinambungan. Upacara-upacara perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat India di Sekinchan masih mengikuti upacara perkahwinan yang ideal. Namun, perubahan zaman telah menyebabkan masyarakat India kini telah mengubah suai beberapa upacara dalam adat perkahwinan tersebut.

Perbezaan inilah akhirnya yang telah mencipta keunikan dalam sesuatu budaya. Melalui kajian ini, penyelidik mendapati bahawa perubahan berlaku dalam pengamalan adat perkahwinan dalam kalangan masyarakat India di Sekinchan. Namun, perubahan yang berlaku dalam pengamalan upacara perkahwinan tersebut tidak melibatkan ketinggalan budaya malah, mereka telah mengubah suai beberapa upacara mengikut kesesuaian mereka supaya dapat dipelihara.

Hasil kajian ini mendapati bahawa faktor-faktor yang menyebabkan perubahan berlaku dalam pengamalan budaya misalnya, pendidikan dan teknologi ataupun dikenali sebagai era pemodenan. Faktor-faktor tersebut telah menyumbang masyarakat kini untuk terus berjuang dalam kehidupan supaya dapat bersaing bagi menikmati kehidupan yang lebih baik. Masyarakat India di Sekinchan telah mengubah suai dan menambah beberapa upacara perkahwinan dalam pengamalannya mengikut kesesuaian masyarakat kini. Perubahan yang berlaku dalam adat perkahwinan telah menunjukkan bahawa masyarakat India telah mencari suatu pembaharuan dalam pengamalannya supaya memberi kepuasan dan keseronokan dalam kehidupannya. Namun, kepentingan perkahwinan masih dipelihara dan upacara-upacara yang dikira penting masih diamalkan.

Secara ringkasnya, proses perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat India di Sekinchan, Selangor sememangnya jelas menunjukkan keunikannya yang tersendiri. Keunikan tersebut masih dipelihara dan diamalkan oleh masyarakat India walaupun telah mengalami perubahan. Pengamalan adat perkahwinan dalam kalangan masyarakat India di Sekinchan telah membuktikan bahawa budaya perkahwinan ini masih berpengaruh demi kesinambungan unsur budaya dan adat tradisi yang diwarisi turun-temurun.

## PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan kepada Profesor Dr. Hashim Awang kerana memberi tunjuk ajar sebagai penyelia sewaktu kajian ini dijalankan. Ribuan terima kasih kepada rakan-rakan penulis yang banyak membantu dalam menyumbangkan idea untuk menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

## RUJUKAN

- Achari, Pandit, S. R. R. (2015). *The sacrament of marriage*. Srimatham.com: Simha Publications.
- Bablu Barman. (2018). Concept of Hindu marriage of India. *JETIR*, 5 (9), 2349-5162.
- Brewer, D. D. (2016). *A systematic review of post-marital residence patterns in prehistoric hunter-gatherers*. Interdisciplinary Scientific Research.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. United States: McGraw-Hill Education.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed approaches*. Lincoln: University of Nebraska.
- Denzin, N. K. (2001). *Handbook of qualitative research* (2<sup>nd</sup> ed). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Faudziah Yusof & Farrah Wahida Mustafar. (2017). Cabaran bujang lewat usia: Stigma terhadap wanita berkerjaya. *Malaysian Journal of Social Science*, 2 (1), 117-129.
- Fox, R. (1967). *Kinship and marriage: An anthropological perspective*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Galis, K. (1990). *Adat perkahwinan masyarakat Bisaya Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gandhi, M. K. (1980). *Tamilar Palakkavalaktankalum Nampikkaikalum*. Madras. Novel Art Printers.
- Gill, S. S. (2001). Perkahwinan campur Peranakan Punjabi di Sabah. *Sari*, 19, 189-203.
- Gopal, H. (2014). *The changing concept of Hindu marriage in modern India: With special reference to NRI marriages*. Patiala: Punjabi University.

- Gregory Kiyai @ Keai & Noria Tugang. (2020). Artifak budaya masyarakat Iban: Warisan dan pusaka. *Jurnal Kinabalu*, 26(1), 59-71. [https://www.tamilhoroscope.in/marriage\\_matching\\_tamil\\_horoscope.php](https://www.tamilhoroscope.in/marriage_matching_tamil_horoscope.php).
- Jack, J. (2015). *The institution of the family, marriage, kinship and descent systems*. Otuoke: Federal University.
- Kaur, J. (1987). *Sikap komuniti Sikh terhadap perkahwinan campur: Satu kajian kes di Ipoh, Perak*. Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kavya, CN. & Pavan Kumar, HM. (2015). A sociological study on religious aspects in Hindu marriage system. *International Journal of Applied Research*, 1 (13), 530-537.
- Kottak, C. P. (2002). *Cultural anthropology: The exploration of human diversity*. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Kottak, C. P. (2008). *Anthropology: The exploration of human diversity* (12th ed.). Boston: McGraw Hill Higher Education.
- Mair, L. (1965). *An introduction to social anthropology*. Oxford: Clarendon Press.
- Makwana, H., & Xavier, S. (2016). Hindu marriage: A study of changes from Vedic Period to modern times. *Global Journal for Research Analysis*, 5 (3), 427-428.
- Mohd Hafizi, I. (2014). The past, present and future of Sekinchan, Selangor by looking into its SWOT. *Sekinchan Insight*, 24-42.
- Norazit Selat. (1989). *Konsep asas antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Izzati *et al.* (2020). Pelaksanaan amalan Pertanian Baik (GAP) dalam kalangan pesawah padi di Sekinchan, Sabak Bernam, Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16 (3), 2682-7727.
- Penemu bual 1, pada 22 April 2019, Kampung Baru, Sekinchan, Selangor.
- Penemu bual 2, pada 26 April 2019, Parit 4, Sekinchan, Selangor.
- Penemu bual 3, pada 3 Mei 2019, Kuil Subramaniam, Sekinchan, Selangor.
- Penemu bual 4, pada 10 Mei 2019, Kuil Sri Subramaniam, Putatan, Sabah.
- Pooja. (2018). Concept of Hindu marriage: Whether sacramental or contractual. *International Journal of Legal Research and Studies*, 3 (1), 112-114.
- Ramalinggam, R. Vanaja, P., & Kirubini, S. (2012). Hindu marriage and its position in the Malaysian marriage law. *International Journal of Arts and Commerce*, 1 (5).
- Rethiyar, S. (1988). *Tolkappiyam Kaatum Vaazhkkai*. Chennai. Asien Publication, 151-163.
- Robiah Kulop Hamzah. (2001). *Teknik dan strategi membimbing remaja: Penampilan diri berkualiti*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Roy, R. Bairwa, S. L., Bairwa, S., & Meena, L. K. (2014). Traditional marriage customs in Rajasthan, India: A study of Kayad Village of Ajmer District. *International Research Journal of Social Sciences*, 3 (2), 2319-3565.



- Rozaliah Mokhtar. (2020). Adat kematian dalam kalangan kumpulan etnik Bajau Laut di Kampung Bangau-Bangau, Semporna, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 26 (2), 277-293.
- Saringan, R. (2007). *Perubahan dan cabaran adat istiadat perkahwinan masyarakat Sungai: Kajian kes di Kampung Penangah, Sabah*. Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan.
- Sivamuthu. (1956). *Tamil Thirumana Murei*. Chennai: Muthukumaran Press.
- Tamil Horoscope*, 17 Mac 2019.
- Wimalasena, N. A. (2016). An analytical study of definitions of the term “marriage”. *International Journal of Humanities and Social Science*, 6 (1), 166-174.